UUM/AA88/BH/18.10.2026/P:11(1-3)

UUM NEWS HIGHLIGHTS

STRAITS TIMES | Utusan Malaysia | Kosmo! | BH | Sinar | Star | Metro

Date: 18/10/26 Page: 11

Komunar

Kerajaan sanggup hadkan kuasa lambang reformasi sebenar

Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM)

Oleh Prof Dr Ahmad Martadha Mohamed
bhrencana@bh.com.my

Penubuhan Majlis Perkhidmatan Parlimen (MPP) mengikut Akta Perkhidmatan Parlimen 2025 (Akta 869) menandakan satu peralihan penting dalam hubungan antara cabang Eksekutif dengan Perundangan di Malaysia.

Selepas lebih tiga dekad Parlimen berada dalam kerangka pentadbiran banyak bergantung kepada Eksekutif, penguatkuasaan Akta 869 mulai 1 Oktober lalu mengembalikan suatu tahap autonomi jauh lebih jelas kepada institusi Parlimen.

Di bawah kerangka baharu ini, MPP dipengerusikan bersama Yang di-Pertua Dewan Negara dan Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Majlis diberikan tanggungjawab terhadap pelantikan anggota perkhidmatan, penentuan terma dan syarat perkhidmatan, pengawasan kewangan, pembangunan latihan serta pengurusan hal ehwal Perkhidmatan Parlimen.

Keanggotaannya merangkumi wakil kerajaan dan pembangkang. Empat Ahli Dewan Rakyat dilantik ialah Ramkarpal Singh (PH-Bukit Gelugor), Datuk Seri Hasni Mohammad (BN-Simpang Renggam), Datuk Seri Dr Ronald Kiandee (PN-Beluran) dan Datuk Seri Takiyuddin Hassan (PN-Kota Bharu).

Susunan ini signifikan kerana pentadbiran Parlimen tidak lagi sewajarnya dilihat sebagai sebahagian daripada jentera kerajaan semasa, tetapi sebagai infrastruktur institusi berkhidmat kepada seluruh badan perundangan.

Reformasi ini memperkukuh prinsip pengasingan kuasa dan semak imbang secara substantif.

Lebih penting, komposisi dwipartisan MPP memberi isyarat autonomi Parlimen bukan pemindahan kawalan daripada kerajaan kepada mana-mana blok politik lain.

Apabila wakil kerajaan dan pembangkang berada dalam struktur pengawasan, maka pembangunan perkhidmatan, sumber manusia dan keupayaan Parlimen mempunyai peluang lebih besar ditentukan berdasarkan kepentingan institusi jangka panjang.

Kebebasan Parlimen bukan bermaksud Parlimen perlu bermusuhan dengan kerajaan. Sebaliknya, Parlimen yang kuat boleh menghasilkan kerajaan lebih baik kerana keputusan Eksekutif terpaksa melalui penelitian lebih berwibawa.

Jika dibandingkan dengan negara lain, langkah Malaysia sebenarnya membawa lebih hampir kepada norma demokrasi berparlimen matang. Di United Kingdom (UK), *House of Commons Commission* bertanggungjawab terhadap pentadbiran dan perkhidmatan *House of Commons*, termasuk dasar pentadbiran serta anggaran perbelanjaannya, manakala urusan hariannya dilaksanakan oleh *Commons Executive Board*.

Keadaan di Australia pula lebih jelas. Akta Perkhidmatan Parlimen 1999 memperuntukkan Perkhidmatan Parlimen memberikan sokongan profesional, nasihat dan kemudahan kepada kedua-dua Dewan, jawatankuasa serta anggota Parlimen secara bebas daripada Kerajaan Eksekutif Komanwel.

New Zealand pula mempunyai Suruhanjaya Perkhidmatan Parlimen yang kini diteruskan mengikut Akta Parlimen 2025. Suruhanjaya itu menasihati Speaker mengenai perkhidmatan pentadbiran dan sokongan kepada Parlimen serta mempunyai kuasa mendapatkan laporan mengenai pengoperasian Perkhidmatan Parlimen.

Data Kesatuan Antara Parlimen (IPU) menunjukkan setakat 2025, 149 negara melaporkan pentadbiran Parlimen mereka bebas daripada kerajaan. Ini menunjukkan autonomi pentadbiran Perundangan bukan suatu eksperimen luar biasa, tetapi sebahagian daripada arus utama demokrasi moden.

Hadkan kuasa dalam lingkungan Eksekutif

Dalam konteks Malaysia, aspek paling signifikan ialah kesediaan kerajaan mengehadkan kuasa yang sebelumnya berada dalam lingkungan Eksekutif.

Dalam ucapannya pada 14 Oktober lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim secara terbuka mengakui reformasi ini membabitkan 'penyerahan sebahagian daripada kuasa yang lazim ditentukan kerajaan dan Ketua Majlis'.

Menariknya, Anwar turut menggunakan jenaka untuk menggambarkan perubahan hubungan kuasa itu. Selepas Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Tan Sri Johari Abdul tidak memberinya ruang berucap sejurus usul dibentangkan, beliau berseloroh: "Inilah kali pertamanya Yang di-Pertua Dewan Rakyat menghalang Perdana Menteri daripada berucap".

Beliau kemudian menyambung, "Demikianlah nasib seorang Ketua Majlis". Gurauan itu kelihatan ringan, tetapi secara simboliknya cukup besar, iaitu seorang Perdana Menteri meraikan keadaan apabila institusi Parlimen semakin berani menggunakan autoritinya tanpa perlu tunduk kepada kedudukan Ketua Eksekutif.

Anwar kemudian secara berseloroh menyatakan beliau terpaksa 'merayu' kepada Yang Dipertua untuk diberikan ruang untuk menjelaskan rasional reformasi itu. Episod kecil ini membawa mesej demokrasi menarik, iaitu pemerkasaan Parlimen tidak harus ditakuti Eksekutif, sebaliknya diraikan sebagai tanda kematangan institusi.

Dalam politik, pihak memiliki kuasa biasanya mempunyai insentif untuk mengekalkan dan memperluaskan kuasa, bukan menyerahkannya. Oleh itu, keputusan pentadbiran Anwar melepaskan sebahagian kawalan Eksekutif terhadap Parlimen wajar diberikan pengiktirafan sebagai tindakan reformasi institusi yang berani.

Nilainya bukan kerana langkah itu memberikan kelebihan kepada kerajaan hari ini, tetapi kerana kuasa dilepaskan itu turut akan membatasi kerajaan pada masa hadapan.

Hal ini menjadikan reformasi ini lebih bermakna. Reformasi sebenar bukan hanya berlaku apabila pemerintah mengubah peraturan mengikat pihak lain, tetapi apabila pemerintah sanggup membina institusi turut mengehadkan dirinya sendiri.

Dalam pengertian itu, keputusan Anwar mempunyai nilai demokrasi melangkaui kepentingan sesebuah pentadbiran atau penggal pemerintahan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said pula menyifatkan langkah itu sebagai satu pencapaian penting apabila kerajaan sanggup melepaskan kuasa Eksekutif terhadap pentadbiran Parlimen selepas lebih tiga dekad.

Beliau menggambarkan pemisahan itu seakan-akan 'bercerai talak tiga', bagi menunjukkan bahawa besarnya perubahan hubungan pentadbiran antara Eksekutif dengan Parlimen.

Penubuhan MPP dengan ini adalah antara legasi reformasi institusi paling berkekalan kerana kerajaan mempunyai keberanian bukan sekadar menggunakan kuasa, tetapi menyerahkan sebahagian kuasanya demi memperkukuh demokrasi.

Ragam